



URUSAN PERSEDIAAN PEMANGKUAN JAWATAN PENOLONG PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM & PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM PERKHIDMATAN BUKAN GUNASAMA PERSEKUTUAN

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ingin mempelawa mana-mana pegawai yang berminat dan berkelayakan untuk mengemukakan permohonan bagi urusan persediaan pemangkuan seperti berikut:

2.0 JAWATAN-JAWATAN TERLIBAT:

- a. Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S38 ke Gred S40
- b. Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S32 ke Gred S38
- c. Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S29 ke Gred S32
- d. Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S26 ke Gred S28
- e. Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S22 ke Gred S26
- f. Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S19 ke Gred S22

3.0 SYARAT PERMOHONAN:

3.1 Kelayakan pemohon:

BIL	URUSAN PEMANGKUAN	KELAYAKAN
a.	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S38 ke Gred S40	Telah dinaikkan pangkat ke Gred S38 pada 31 Disember 2012 dan sebelum.
b.	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S32 ke Gred S38	Telah dinaikkan pangkat ke Gred S32 pada 31 Disember 2012 dan sebelum.
c.	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S29 ke Gred S32	Telah dilantik ke Gred S29 pada 31 Disember 2012 dan sebelum.
d.	Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S26 ke Gred S28	Telah dinaikkan pangkat ke Gred S26 pada 31 Disember 2012 dan sebelum.
e.	Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S22 ke Gred S26	Telah dinaikkan pangkat ke Gred S22 pada 31 Disember 2012 dan sebelum.
f.	Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S19 ke Gred S22	Telah dilantik ke Gred S19 pada 31 Disember 2012 dan sebelum.

- 3.2. telah disahkan dalam perkhidmatan;
- 3.3. markah wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2021,2022 dan 2023) tidak kurang 80%;
- 3.4. bebas daripada hukuman tatatertib;
- 3.5. telah mengisytiharkan harta;
- 3.6. lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 3.7. bebas daripada disenaraikan sebagai peminjam pendidikan tegar daripada institusi pinjaman pendidikan;
- 3.8. tidak hilang kekananan yang menyebabkan tarikh lantikan/ kenaikan pangkat berubah disebabkan faktor-faktor berikut:
 - a. pelanjutan tempoh percubaan dengan denda;
 - b. cuti separuh gaji dan cuti tanpa gaji kecuali cuti belajar yang diluluskan oleh pihak berkuasa berkenaan;
 - c. pegawai yang pernah dilantik ke jawatan dalam skim perkhidmatan yang lain tetapi kemudiannya kembali ke skim perkhidmatan terdahulunya (jika berkaitan);
 - d. tidak hadir bertugas tanpa sebab dan alasan munasabah.
- 3.9. diperaku oleh Ketua Jabatan.

4.0. Pegawai yang telah genap 13 tahun dari tarikh lantikan/ tarikh naik pangkat tidak akan diperakukan ke mana-mana urusan ini kerana pegawai telah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat secara TBK1 dan TBK2. Sekiranya pegawai ingin ditempatkan secara hakiki, ia boleh dilaksanakan melalui dua (2) kaedah seperti berikut:

- 4.1 pegawai mengemukakan permohonan untuk bertukar dengan menyatakan alasan pertukaran untuk mengisi jawatan hakiki. Penempatan pegawai di jawatan hakiki adalah tertakluk kepada kekosongan jawatan/ giliran pertukaran ke lokasi yang dimohon; atau
- 4.2 Ketua Jabatan boleh mengemukakan permohonan kepada JAKIM untuk menempatkan pegawai yang telah dinaikkan pangkat secara TBK1 atau TBK2 ke jawatan hakiki yang kosong di Kementerian/ Jabatan.

5.0 DOKUMEN PERMOHONAN PEMANGKUAN

- 5.1 Lampiran A - Surat Permohonan Pemangkuhan;
- 5.2 Lampiran B - Perakuan Ketua Jabatan;
- 5.3 Lampiran C - Surat Akuan Pinjaman Pendidikan (Sila lampirkan bukti sekiranya pembayaran pinjaman pendidikan telah selesai atau dibuat secara ansuran bulanan melalui pembayaran tunai/ potongan gaji);
- 5.4 Lampiran D - Borang Tapisan Keutuhan SPRM;
- 5.5 Salinan Surat Keputusan Tapisan Keutuhan SPRM;
- 5.6 Salinan Surat Perisytiharan Harta terkini (Tempoh sah laku 5 tahun);
- 5.7 Salinan Buku Perkhidmatan Kerajaan (1 set); dan
- 5.8 Salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (2021, 2022, 2023).

6.0 Hanya pegawai yang bersedia untuk penempatan semula mengikut kekosongan di seluruh negara digalakkan memohon untuk urusan pemangkuhan ini. Pihak Kementerian/ Jabatan/ Agensi dimohon untuk memastikan hanya permohonan yang memenuhi syarat dikemukakan ke BPSM, JAKIM. Sebarang kesilapan fakta boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan. **Borang permohonan boleh didapati di pautan <http://surl.li/sfwfk>.** Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima tidak akan diproses.

7.0 TARIKH TUTUP PERMOHONAN

30 APRIL 2024 (SELASA) / 11.59 MALAM

8.0 ALAMAT PENGHANTARAN DOKUMEN PERMOHONAN PEMANGKUAN

Pengarah
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Aras 6, Blok B, Kompleks Islam Putrajaya
No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman
Presint 3, 62100 PUTRAJAYA
(u.p. Cawangan Naik Pangkat, Prestasi dan Peperiksaan)

9.0 URUS SETIA

Sebarang pertanyaan boleh diemelkan ke prestasi@islam.gov.my atau hubungi urus setia seperti berikut:

Puan Farah Nadilah binti Rahmat	- 03 - 8870 7603
Encik Mohd Jasrul Nizar bin Jamil	- 03 - 8870 7624
Puan Halina binti Ibrahim	- 03 - 8870 7614
Cik Nurul Nadhirah Binti Nazri	- 03 - 8870 7617